

09 JUL 2004

Umno-Razaleigh

TENGGU RAZALEIGH TAWAR DIRI BERTANDING PRESIDEN UMNO

GUA MUSANG, 9 Julai (Bernama) -- Tengku Razaleigh Hamzah hari ini menawarkan diri untuk bertanding jawatan Presiden Umno pada pemilihan parti September ini dengan alasan bagi menghidupkan amalan demokrasi selain membolehkannya meneruskan perjuangan kepada parti.

Ketika mengumumkan keputusannya itu di hadapan perwakilan Pemuda dan Wanita Bahagian Gua Musang pada persidangan mereka di sini hari ini, bekas Menteri Kewangan itu berkata kini terpulang kepada bahagian-bahagian yang sedang bermesyuarat sama ada untuk mencalonkan beliau.

"Jadi hari ini pada hari yang baik, di bulan yang baik, di hadapan saudara dan saudari ini dan atas desakan dan permintaan ramai terutama sekali sahabat handai, saya rasa tidak keterlaluan kalau saya dicalonkan jawatan Presiden.

"Sekiranya mencukupi bilangan (pencalonan) yang ditentukan oleh pelembagaan parti saya sedia menimbang untuk menerima pencalonan itu.

"Dengan doa supaya diberi taufik dan hidayah, saya diberi kekuatan dengan dibekalkan ilmu yang cukup untuk saya melancarkan perjuangan bagi pihak orang Umno," katanya sambil mendapat sorakan dan tepukan gemuruh daripada 1,000 anggota perwakilan dan tetamu.

Sebaik beliau membuat kenyataan itu, dewan tempat berlangsung mesyuarat itu di Bukit Chekati di sini bergema dengan laungan "Hidup Ku Li" sebanyak tiga kali.

Tengku Razaleigh, yang juga Ketua Bahagian Gua Musang dan anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno yang dilantik, berkata beliau sanggup membuat perisytiharan itu kerana "jawatan itu kosong".

"Jawatan (presiden) ini masih kosong dan pihak yang bertanggungjawab menentukan jawatan ini ialah ahli-ahli Umno menerusi persidangan perwakilan bahagian-bahagian di seluruh negara.

"Lagipun, setahu saya, belum ada orang yang membuat tawaran untuk jawatan itu selain saya sekarang ini. Saya berharap saya akan mendapat sokongan daripada bahagian-bahagian sekiranya mereka fikir saya layak dan sesuai.

"Kalau difikirkan saya tidak layak, apakan daya. ini sekadar tawaran untuk berkhidmat dari seorang yang sudah lama dalam parti tetapi tidak berjawatan, tetapi masih penuh bersemangat untuk membela Umno." katanya.

Beliau berharap kenyataannya itu tidak akan menimbulkan pelbagai tafsiran dan sebaliknya semua pihak perlu menghormati semangat demokrasi dalam parti dan menyerahkan kepada anggota parti untuk membuat keputusan.

Tengku Razaleigh berkata semua pihak juga perlu menerima sebarang keputusan yang dibuat oleh anggota Umno dengan "semangat kekeluargaan dan tidak perlu ada perasaan marah, perasaan dukacita dan bermasam-masam muka. Inilah harapan kita, inilah keluarga besar kita, Umno".

"Saya percaya ahli Umno akan dengan bijaksana membuat keputusan. Kalau ada lebih daripada satu calon yang memenuhi kelayakan, maka kita sokonglah orang yang diketengahkan itu sebagai pemimpin itu," katanya.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah mengeluarkan pelbagai cadangan kepada dirinya apabila tersebar dalam media bahawa beliau ingin bertanding pada pemilihan parti bagi jawatan tinggi parti sekiranya cukup pencalonan.

"Sebenarnya diri saya ini tidak penting, perjuangan orang Melayu sebagaimana yang dipimpin oleh orang Melayu itu yang lebih penting," katanya.

Menurutnya beliau sekadar ingin melihat Umno lebih mantap, maju, lebih berprestasi dan lebih tegas bagi membolehkan orang Melayu maju dan terus maju serta dapat menebus segala kerugian bangsa itu hasil ketinggalan di masa-masa lepas.

"Kita mahu berkhidmat dengan cara yang baik kerana banyak lagi yang perlu dilakukan untuk orang Melayu dan bumiputera yang lain seperti di Sabah yang masih memerlukan banyak pertolongan," katanya.

Pada peringkat akhir ucapannya itu, Tengku Razaleigh berharap kenyataan berhubung kesediaannya untuk bertanding itu dapat diterima baik.

"Kerana saya tak ada niat lebih daripada ini. Kalau dapat disokong, sokonglah, kalau tak dapat disokong, tak usah sokong. Tak ada paksaan, tak ada nak melobi," katanya.

Beliau berkata kenyataannya itu juga dapat menjelaskan segala kekeliruan dan pelbagai andaian yang dibuat selama ini menerusi media termasuk daripada kalangan rakan-rakannya dan pemimpin politik parti.

"Saya sebenarnya tidak mahu membuat kenyataan ini tetapi sebagaimana yang saya kata tadi, sekiranya ada pencalonan, sekiranya saya difikir layak dan sesuai, maka saya sedia menimbangkan untuk menerima pencalonan itu jika ia cukup.

"Terpulanglah kepada saudara-saudari. Saya tak dapatlah melebihi dari itu kerana saya bukan ada apa-apa, saya sebatang kara. Saudara-saudarilah kekuatan saya untuk maju ke depan bagi kepentingan orang Melayu dan saya sendiri," katanya.

Khamis lepas, Tengku Razaleigh mencadangkan supaya sistem kuota pencalonan jawatan dimansuhkan, dan mengumumkan kesediaannya bertanding bagi mana-mana jawatan tertinggi parti.

Ekoran itu, pelbagai pihak memberikan reaksi antaranya memintanya bertanding jawatan Naib Presiden yang dirasakan sesuai baginya.

Tengku Razaleigh, 66, pernah menjadi Naib Presiden Umno pada 1975 dan mempertahankan jawatan itu pada 1978 hinggalah pemilihan parti 1981.

Beliau juga berpengalaman bertanding semua jawatan utama parti termasuk Presiden pada 1987 tetapi tewas kepada Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau juga pernah tewas dua kali kepada Tan Sri Musa Hitam bagi jawatan Timbalan Presiden pada 1981 dan 1984.

Tengku Razaleigh pernah meninggalkan Umno untuk menubuhkan Parti Semangat 46. Apabila parti itu dibubarkan, beliau kembali ke pangkuan Umno.

Untuk membolehkannya layak bertanding Presiden, Tengku Razaleigh perlu mendapat 30 peratus pencalonan daripada 191 bahagian yang bermesyuarat sehingga 22 Julai ini.

-- BERNAMA

RAR MAI

